

# DERIVATIF

## JOM BELAJAR CARA MENGGUNAKAN CARTA UNTUK DAGANGAN NIAGA HADAPAN



### Kepentingan Carta Dagangan

Memahami carta dagangan membolehkan anda untuk melakukan analisis teknikal secara mendalam tentang pasaran semasa. Setelah anda memahami bagaimana carta dagangan berfungsi, anda akan dapat melihat 'tren' dan 'corak' untuk memanfaatkan peluang yang berpotensi untuk Dagangan Niaga Hadapan anda.

### Cara Membaca dan Menggunakan Carta Dagangan

Carta dagangan memaparkan maklumat yang boleh membantu anda menentukan kedudukan untuk "bila perlu masuk" dan "bila perlu keluar" dari posisi dagangan.


Bila perlu keluar dari posisi dagangan?

Bila perlu masuk berdagang?



## Jenis Carta Dagangan

### Carta Garis, Carta Bar, Analisis Grafik dan Carta Lilin




#### Carta Garis

Ini adalah carta paling asas. Carta garis dibentuk dengan menghubungkan harga penutupan dalam jangka masa yang ditetapkan. Ia hanya menunjukkan harga penutupan dalam jangka masa tertentu. Harga penutupan sering dianggap sebagai elemen terpenting dalam menganalisis data.



#### Carta Bar

Carta bar adalah lebih terperinci berbanding carta garis. Ia memaparkan beberapa maklumat pada setiap titik data, di mana setiap baris mewakili maklumat dagangan. Ia juga merangkumi tahap tinggi dan rendah bagi sesuatu tempoh dagangan dengan harga pembukaan dan penutupan.




#### Analisis Grafik

Ini merupakan carta yang paling popular. Grafik carta analisis dilengkapi dengan corak 'Kepala dan Bahu' yang boleh dipercayai. Corak pembalikan adalah tanda bahawa tren semasa akan mengalami pembalikan dalam masa terdekat.

Apakah corak 'Kepala dan Bahu'?

Terdapat dua versi corak Kepala dan Bahu:


- (i) Bahagian Atas Kepala dan Bahu: Terbentuk dipuncak tren menaik dan memberi isyarat bahawa harga aset akan jatuh sebaik sahaja corak tersebut lengkap terbentuk.
- (ii) Bahagian Bawah Kepala dan Bahu (atau Pembalikan Kepala dan Bahu): Biasanya terbentuk semasa arah aliran menurun, corak ini menunjukkan bahawa harga aset bakal meningkat.




#### Carta Lilin

'Lilin hijau' mewakili pasaran bulis manakala 'lilin merah' mewakili pasaran bearis. Kedua-duanya adalah petunjuk visual yang sangat penting.


Carta lilin adalah gabungan carta garis dan graf bar. Carta lilin memberikan maklumat yang mendalam kerana setiap batang boleh dianalisis. Setiap lilin memberikan anda empat maklumat penting dalam selang masa yang anda pilih. Setiap lilin dan sumbu pada carta akan memberitahu anda kedudukan pasaran dan arah tujuannya. 'Doji' adalah aspek penting dalam carta lilin kerana ia menyediakan banyak maklumat. Oleh itu, setiap lilin mewakili hanya sebahagian kecil dari tempoh dagangan.




### Jenis-Jenis Carta Lilin dan Maksudnya




**Lilin Pendek**  
Menunjukkan pergerakan kecil harga sepanjang tempoh dagangan




**Lilin Panjang**  
Menunjukkan pergerakan besar harga sepanjang tempoh dagangan




**Sumbu Pendek**  
Menunjukkan bahawa sebahagian besar dagangan berlaku hampir dengan harga permulaan



**Sumbu Panjang**  
Menunjukkan bahawa harga telah bergerak dengan begitu ketara



**Doji**  
Memberitahu anda bahawa harga awal dan akhir bagi sesuatu tempoh adalah hampir sama



**Dragonfly Doji**  
Memberitahu anda bahawa harga pembukaan, penutupan dan harga tertinggi dalam tempoh tersebut adalah hampir sama

## PENAFIAN

Dokumen ini hanya untuk tujuan dalaman Bursa Malaysia Berhad dan/atau kumpulan syarikat Bursa Malaysia ('Bursa Malaysia'). Dokumen ini dimiliki oleh Bursa Malaysia. Tidak ada bahagian daripada dokumen yang akan diterbitkan semula atau disimpan dalam sebarang bentuk atau cara, elektronik atau mekanikal, termasuk fotokopi, rakaman atau sebarang sistem penyimpanan dan pengambilan maklumat, tanpa izin secara bertulis daripada pemilik dokumen.